

# Kerajaan Sabah akan diganti

Oleh Lichong Angkui, Mohd Shah Abdullah, Agoes Kholil dan Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR, Rabu — Barisan Nasional (BN) yang setakat ini memiliki 28 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah akan menggantikan kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan bagi menyelamatkan negeri itu daripada dilanda krisis berterusan.

Berikutan itu, BN akan mengemukakan dokumen kepada Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Mohd Said Keruak untuk membolehkannya menubuhkan sebuah kerajaan baru.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BN menunggu masa yang sesuai untuk berbuat demikian selaras peruntukan Perlembagaan dan undang-undang, berikutan tindakan tujuh anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) PBS dipilih dan dua Adun dilantik, keluar parti itu.

Beliau berkata, BN kini sudah mempunyai majoriti yang cukup untuk menubuhkan sebuah kerajaan baru di Sabah, menggantikan kerajaan PBS.

berbuat demikian. Ia akan dibuat secepat mungkin. Bila diperlukan kita akan mengemukakan, bila keadaan sudah jelas," katanya.

Berikutan kerusi majoriti yang dimiliki BN sekarang, Adun Sabah perlu mengemukakan undi tidak percaya terhadap kerajaan negeri sedia ada apabila DUN Sabah bersidang. Persidangan DUN Sabah yang pertama sejak pilihan raya negeri itu bulan lalu, dijadualkan Jumaat ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menjawab pertanyaan pemberita ketika diminta mengulas perkembangan mutakhir politik Sabah, berikutan beberapa Adunnya bertindak keluar parti dan menyertai parti komponen BN.

Terdahulu, beliau meraikan diplomat asing dan orang kenamaan, di kediamannya, di Sri Perdana sempena sambutan Aidilfitri.

"Saya tidak nampak PBS boleh terus memerintah kerana jelas mereka kini mempunyai kurang daripada separuh

Dalam pilihan raya umum lalu, PBS memenangi majoriti dua kerusi dengan memperolehi 25 kerusi dan kemudian melantik enam anggota lain sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan. BN memenangi 23 kerusi.

Bagaimanapun, sehingga hari ini, tujuh Adun PBS termasuk Setiausaha Agung parti itu, Datuk Joseph Kurup dan adik Ketua Menteri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan keluar daripada parti itu. Kurup dan Dr Jeffrey menubuhkan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS). PBRSS dijangka menyertai BN.

Dengan ini, BN mempunyai 28 Adun dipilih dan dua dilantik berbanding PBS yang hanya mempunyai 18 Adun dipilih dan empat dilantik. PBRSS pula mempunyai dua Adun.

"BN akan mengemukakan dokumen itu kepada Yang Dipertua Negeri. Kita perlu menentukan masa yang sesuai untuk

bilangan kerusi meskipun mempunyai anggota dilantik," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, BN akan memenuhi janjinya dalam manifesto pilihan raya lalu. Katanya, jawatan Ketua Menteri akan silih berganti di antara pemimpin tiga kumpulan utama di negeri itu dengan setiap pemimpin memegang jawatan itu untuk tempoh dua tahun.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Jeffrey, Adun Bingkor, malam tadi, Perdana Menteri berkata, beliau tidak membuat sebarang keputusan.

"Saya menyatakan bahawa saya mahu setiap anggota menubuhkan sebuah kerajaan yang mampu mewakili dan bekerja untuk semua rakyat Sabah dan bukan hanya untuk sekumpulan kecil rakyat Sabah kerana buat masa ini seolah-olah hanya segelintir

**LIHAT MUKA 3**

# Kerajaan Sabah akan diganti

## DARI MUKA SATU

rakyat negeri itu yang memperoleh faedah," kata Dr Mahathir.

"Saya mahu kerajaan negeri yang akan ditubuhkan itu agar betul-

betul menumpukan kepada pembangunan negeri itu dan rakyatnya. Slogan "Sabah Untuk Orang Sabah" hendaklah dibuang," katanya.

Perdana Menteri juga mahu kerajaan negeri yang baru bekerjasama rapat dengan Pusat membangunkan Sabah.

Mengenai kenyataan

Dr Jeffrey untuk meninggalkan PBS dan menerima PBRS, Perdana Menteri berkata, jika parti itu mahu menyokong dan menyertai BN, ia akan

menambah majoriti yang sedia ada.

"Kita berharap dengan adanya majoriti itu akan membantu membentuk kerajaan baru," katanya.